

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-33



Mahathir yakin pimpinan menerusi teladan

KUALA LUMPUR, Ahad — Kepimpinan menerusi teladanlah yang mendorong Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memotong rambut beliau dan Menteri-menterinya dengan harapan rakyat sodor betapa perlunya berilmu cermat.

Begitu juga dengan larangan menghisap rokok, memakai tanda nama dan beberapa peraturan lain bertujuan memberi contoh kepada rakyat menauladanya demi kebaikan mereka sendiri.

Menurut Perdana Menteri, pemotongan gajinya sebanyak \$1,000 sebelum memangiah kecil, tetapi apa yang penting ialah beliau mahu menunjukkan contoh kepada rakyat.

"Begitu juga kita suruh Menteri memakai tanda nama masing-masing. Bukannya ada apa-apa tetapi kalau kita mahu orang lain bertuan demikian kita mestilah memulakannya dahulu," ujarnya.

Mengenai pemotongan gaji, Perdana Menteri berkata, ia dilakukan dengan ikhlas sejajar dengan dasar berilmu cermat.

Perwakilan dari Johor sebelum ini telah menimbulkan masalah itu dan beliau berpendapat langkah itu meluaskan kerana pusa Menteri di Singapura telah dinaikkan gaji.

"Inilah susahnya, apa yang kita buat semuanya salah. Kita naik gaji pun salah, kita potong gaji pun salah. Jadi semua yang kita buat nampaknya salah."

"Jadi tuan-tuan semua setuju kalau saya cadangkan supaya gaji Menteri dinaikkan 100,000 sebulan seperti di Singapura," tanya Datuk Seri Dr. Mahathir secara

berseloroh disambut gelak ketawa perwakilan Perdana Menteri menekankan, apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang cuma untuk menunjukkan contoh-contoh kerana, "saya percaya kepada kepimpinan menerusi teladan".

Menyentuh dasar "Pandang ke Timur", Perdana Menteri sekali lagi mengaskan perlunya rakyat menauladani cara rakyat Jepun bekerja.

Beliau memberi contoh bagaimana bersih dan tertibnya pekerja di sebuah restoran Jepun di mana kesemua pekerjaanya dikhendaki memotong rambut bagi mengelakkan terjatuh ke dalam makanan.

Rambut

"Tapi terdapat beliau kita apabila disuruh potong rambutnya, terus meninggalkan pekerjaan itu. Ini menunjukkan mereka lebih pentingkan rambut dari pekerjaan, oleh itu tidak hairanlah jika mereka menganggur."

"Baru-baru ini juga sempena perayaan kemerdekaan, beberapa pekerja di restoran usaha sama Fima-Jepun meminta cuti untuk melihat perayaan. Mereka rela meninggalkan kerja sematamata untuk melihat perayaan," tegasnya.

Mengenal dasar ini juga, Datuk Seri Dr. Mahathir menjelaskan, syarikat-syarikat Jepun yang mengendahkan projek di sini bersetuju melatih pekerja Bumiputera Umpamanya seperti di projek Dayabumi dan juga beberapa projek di Johor.

"Bagaimanapun yang menyediakan ialah sedikit benar mereka yang berminat untuk dilatih," tambah beliau.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

No. Siri 6709
No. Penerimaan..... 1026/66

■ BIAK wajahnya yang tegas membuktikan betapa serius amanat yang hendak disampaikan oleh Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Dengan suara yang lantang sambil mengangkat tangan kanan, beliau mengemukakan hujah dan penjelasan kepada para perwakilan di Perhimpunan Agung UMNO ke-33 di Kuala Lumpur semalam.

Bagi Datuk Seri Dr. Mahathir, apa yang ingin disampaikan pasti akan diterima oleh para perwakilan dengan jelas jika mesej tersebut dituahkan dengan tegas dan terang.

Dan apabila mereka memahami dan menerimanya, tanda kepuasan jelas terbayang pada wajahnya.

Sambil menadah tangan kiri, beliau memberikan setyaman penuh kepuasan kepada tepukan gemuruh para perwakilan seramai 1,200 orang.

Gambar-gambar ini dirakamkan oleh Jurugambar Berita Harian, MOHD ARIFP AZAHARI sewaktu Datuk Seri Dr. Mahathir menjawab hujah-hujah dan soalan yang dikemukakan oleh para perwakilan dalam perhimpunan tiga hari itu yang berakhir semalam.